



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION (EAIC)**

Aras 5, Blok Menara
Bangunan Menara Usahawan
No.18 Persiaran Perdana, Presint 2
62652 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-8880 5650
Faks (Fax): 603-8880 5646
Laman Web (Web): www.eaic.gov.my

KENYATAAN MEDIA

**LAPORAN SIASATAN EAIC BERHUBUNG VIDEO TULAR KAPAL APMM DI
PERAIRAN NEGERI KELANTAN**

Putrajaya, 21 Februari 2025 – Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) telah menjalankan siasatan terhadap Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) susulan penularan sebuah video yang memaparkan sebuah kapal APMM bertambat dengan bot nelayan Zon C yang dikendalikan oleh awak-awak Vietnam di perairan Negeri Kelantan pada 7 Julai 2023. Siasatan ini dijalankan berdasarkan aduan yang diterima mengikut subseksyen 27(4) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700].

HASIL SIASATAN

Siasatan EAIC mendapati terdapat salah laku oleh Pegawai Memerintah, Pegawai dan anggota APMM berdasarkan fakta dan keterangan seperti yang berikut:

- a) Kapal APMM tersebut telah bertambat dengan bot nelayan Zon C tanpa kebenaran dari kira-kira jam 8.00 malam hingga 3.40 pagi;
- b) Kapal APMM didapati telah menghantar laporan Kedudukan, Haluan dan Laju (KHL) serta Laporan Situasi (LS) yang mengandungi maklumat tidak benar kepada Maritime Operational Command (MOC);
- c) Borang penggeledahan yang dikeluarkan oleh kapal APMM mengandungi butiran palsu berkaitan pemeriksaan yang dilakukan terhadap bot nelayan Zon C;

- d) Tiada laporan dibuat mengenai insiden melepaskan tembakan semasa pengejaran bot nelayan asing Vietnam pada 12 Julai 2023; dan
- e) Pegawai dan anggota kapal APMM didapati telah bertambat sebanyak dua kali dengan bot nelayan Zon C serta terlibat dalam aktiviti mencandat sotong dan memancing ikan, yang menimbulkan persepsi negatif dan mencemarkan imej pasukan.

Atas salah laku tersebut, EAIC telah memutuskan perkara berikut:

- a) mengesyorkan hukuman di bawah Peraturan 37 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993] kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) APMM bagi tujuan tindakan disiplin terhadap Pegawai Memerintah termasuk turun pangkat atau buang kerja;
- b) mengesyorkan syor hukuman di bawah Peraturan 36 P.U. (A) 395/1993 terhadap pegawai dan anggota kapal APMM bagi tindakan disiplin selain daripada turun pangkat atau buang kerja; dan
- c) Pegawai Siasatan EAIC telah membuat laporan polis berhubung pengeluaran borang penggeledahan yang mengandungi butiran palsu dan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membuka satu kertas siasatan bagi meneliti aspek jenayah komersial.

Pada 15 Januari 2025, EAIC telah menerima maklum balas daripada APMM mengenai tindakan yang telah diambil terhadap syor EAIC. PBT APMM tidak mengikut syor hukuman oleh EAIC dan sebaliknya telah memutuskan bahawa Pegawai Memerintah kapal APMM dikenakan hukuman denda (jumlah 7 hari emolumen), manakala pegawai dan anggota lain didapati tidak bersalah kerana bertindak mengikut arahan Pegawai Memerintah sahaja.

EAIC amat kecewa dengan keputusan hukuman PBT APMM kerana EAIC berpendapat hukuman yang dikenakan adalah bersifat terlampau ringan dibandingkan dengan salah laku oleh Pegawai Memerintah, Pegawai dan anggota kapal APMM tersebut yang tidak mencerminkan integriti semasa melaksanakan tugas.

EAIC komited dalam memastikan integriti dan akauntabiliti dalam kalangan agensi penguatkuasaan demi menjaga kepercayaan masyarakat terhadap sistem penguatkuasaan negara.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)

21 Februari 2025